

<input checked="" type="checkbox"/> Berita Harian
<input type="checkbox"/> Berita Minggu
Tarikh: 17/1/2011
Hari: ISNIN M/S: MUKA PAK
Ruangan: -

## Usah peralat institusi Raja

**A**LOR SETAR: Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, semalam mengingatkan rakyat supaya berwaspada dan menolak cubaan pihak tertentu untuk mengaitkan institusi Raja ke dalam sebarang isu berbangkit, termasuk politik yang sering berlaku sejak akhir-akhir ini.

Bertitah sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-83 di Balai Penghadapan, Istana Anak Bukit di sini, baginda meminta rakyat memelihara suasana aman bagi membolehkan tumpuan untuk me-

ningkatkan taraf hidup masing-masing.

Titah baginda, peristiwa di beberapa tempat lain sebelum ini menyebabkan perpecahan di kalangan rakyat kerana permainan politik tidak mengambil kira soal ketenteraman awam hingga mencetuskan huru-hara yang wajar dijadikan renungan.

"Rakyat negeri ini hendaklah sentiasa waspada dan menolak percubaan pihak tertentu membabitkan beta dalam apa-apa isu berbangkit.

LIHAT MUKA 4

<input checked="" type="checkbox"/>	Berita Harian
<input type="checkbox"/>	Berita Minggu
Tarikh: 17/11/2011	
Hari: ISNIN M/S: 4	
Ruangan: SDBUNGAN	



**SULTAN** Abdul Halim Mu'adzam Shah mengurniakan Darjah Datuk Setia Diraja Kedah yang membawa gelaran Datuk kepada Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak pada Istiadat Menyembah Tahniat Dan Penganugerahan Darjah Serta Bintang Kebesaran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-83 di Balai Penghadapan di Istana Anak Bukit, semalam.

## Kerajaan negeri diingot kurangkan birokrasi

DARI MUKA 1

"Beta yakin ikatan perpaduan erat dan kukuh di kalangan penduduk berbilang kaum masa kini dapat menjadi berteng memelihara keamanan, oleh itu usaha kerajaan beta untuk mengeratkan perpaduan antara kaum hendaklah disokong sepenuhnya," titah baginda.

Pada majlis berkenaan 83 individu menerima bintang kobesaran sempena sambutan hari keputeraan baginda.

Bekas Menteri Besar Kedah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pedu dan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Seri Mahdzir Khalid mendahului senarai apabila dianugerahkan Darjah Orang Besar Lapan yang membawa gelaran Datuk Seri Mahawangsa.

Sultan Kedah turut mengingot kerajaan negeri su-

paya mengurangkan kerenah birokrasi yang sering dikaitkan dengan kelewatan menyiapkan sesuatu projek demi kepentingan semua pihak.

"Beta percaya apa dikerjakan tidak akan bermakna jika tiada perubahan sikap dan minda di dalam proses pentadbiran dan pengurusan dengan pelabur serta pedagang.

"Beta percaya kestabilan politik dan kemantapan jentera kerajaan akan menarik lebih ramai pelabur memilih negeri ini sebagai lokasi pelaburan yang menguntungkan mereka," titah baginda.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak dalam ucapan menyembah tahniat berkata, pentadbiran negeri sepanjang 2010 berjalan lancar dalam suasana politik stabil yang memberi ruang luas kepada kerajaan untuk merancang program baru membantu memacu ekonomi.